

Anugerah Tesis Bitara

Anugerah Tesis Bitara diberikan kepada seorang pelajar Pelajar dan terbuka kepada semua pelajar Ijazah Kedoktoran UPSI (Doktor Falsafah/ Doktor Pendidikan/Doktor Psikologi). Pelajar mod sepenuh masa dan separuh masa dan dicalonkan oleh Jawatankuasa Viva.

1. Tempoh Pengajian

Graduate on Time (GOT) merujuk kepada keupayaan pelajar pengajian siswazah untuk menyelesaikan pengajian dalam masa yang ditetapkan (berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran sehingga tarikh kelulusan senat untuk pengesahan Tamat dan Layak Konvo).

2. Pencapaian Akademik

- a) Doktor Falsafah: gred Sedang Maju (SM) setiap semester.
- b) Doktor Pendidikan dan Doktor Psikologi: Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Tertinggi Keseluruhan (3.80 ke atas).

3. Viva

- a) Menyerahkan tesis sebelum atau dalam tempoh minimum pengajian (bergantung kepada tempoh minimum pelajar Sepenuh Masa atau Separuh Masa) untuk pemeriksaan.
- b) Mendapat keputusan viva tanpa pembetulan atau dengan pembetulan kecil (3 bulan).

4. Penyerahan Pembetulan

Menyerahkan pembetulan dalam tempoh yang telah ditetapkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Viva.

5. Pengiktirafan

Menerima pengiktirafan/anugerah dalam pertandingan rekacipta/inovasi/pembentangan di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

6. Penerbitan

Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel jurnal sekurang-kurangnya berindeks di Scopus.

7. Produk/Inovasi hasil daripada Tesis

- a) Produk daripada tesis yang berjaya dihasilkan sepanjang tempoh pengajian lepasan ijazah.
- b) Menerima pengiktirafan/anugerah dalam pertandingan rekacipta/inovasi/pembentangan di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

8. Kepimpinan

- a) Mengetuai atau terlibat dalam organisasi pelajar dalam universiti atau aktiviti luar/khidmat masyarakat di luar universiti.
- b) Walau bagaimanapun, keserjanaan seseorang calon dianggap lebih utama melebihi kriteria kepimpinan seseorang calon.

9. Bebas daripada tindakan tatatertib universiti.

10. Perakuan daripada Dekan fakulti.

Berikut merupakan senarai nama penerima mengikut tahun:

Tiada

